BANK ISLAM

# SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PRIHATIN BERSASAR

**Dikemaskini setakat 28 Oktober 2020**

<table>
<tr><th>BIL</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah definisi Program Prihatin Bersasar?</td><td>Program Prihatin Bersasar adalah satu program yang ditawarkan kepada pelanggan Bank Islam yang terjejas dari segi kewangan akibat pandemik COVID-19 berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakah matlamat, kriteria dan pakej yang ditawarkan dalam Program Prihatin Bersasar?</td><td>Matlamat Program Prihatin Bersasar adalah untuk membantu pelanggan yang menghadapi kekangan kewangan sementara akibat daripada pandemik COVID-19.<br><br>Di antara kriteria dan pakej yang ditawarkan (tertakluk kepada kelayakan dan kelulusan) adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>BIL</th><th>KRITERIA</th><th>PAKEJ</th></tr><tr><td>1.</td><td>Pelanggan yang diberhentikan kerja pada tahun 2020 (termasuk individu yang sebelum ini bekerja sebagai pekerja kontrak atau bekerja sendiri) dan masih belum bekerja semasa tarikh permohonan)</td><td>Penyambungan moratorium pembiayaan selama 3 bulan</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pemotongan gaji (gaji pokok / komisyen / elaun tambahan / elaun kerja lebih masa) pada tahun 2020</td><td>Pengurangan pembayaran balik bulanan sepadan dengan pengurangan pendapatan selama 6 bulan</td></tr></table>Nota: Pelanggan yang dikategorikan sebagai bankrap tidak layak untuk memohon Program Prihatin Bersasar</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Adakah terdapat kriteria-kriteria lain yang ditawarkan selain daripada yang dinyatakan di atas?</td><td>Ya. Kriteria-kriteria lain yang ditawarkan selain daripada yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>BIL</th><th>KRITERIA</th></tr><tr><td>1.</td><td>Cuti Tanpa Gaji (selama 12 bulan ke bawah)pada tahun 2020</td></tr><tr><td>2.</td><td>Suami/Isteri diberhentikan kerja pada tahun 2020 (Bagi pembiayaan bersama sahaja)</td></tr></table></td></tr>
</table>



*Soalan Lazim Program Prihatin Bersasar ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.*

| | | |
|---|---|---|
| | | <table><tr><td>3.</td><td>Bekerja Sendiri-Perniagaan terkesan & masih beroperasi</td></tr><tr><td>*4.*</td><td>Bekerja Sendiri-Perniagaan terkesan dan telah ditutup pada tahun 2020</td></tr></table><br>Untuk kriteria-kriteria yang tersebut di atas, pelanggan akan diberikan pakej seperti penangguhan sementara ansuran bulanan atau pengurangan ansuran bulanan sepadan dengan pengurangan pendapatan tertakluk kepada budi bicara Bank. |
| 4 | Apakah perbezaan diantara pakej moratorium dibawah Program Prihatin Bersasar dengan automatik moratorium yang diumumkan pada bulan Mac yang lalu? | Moratorium dibawah Program Prihatin Bersasar ini merupakan lanjutan daripada automatik moratorium yang diumumkan pada bulan Mac yang lalu dimana terma dan syarat yang sama terpakai bagi Program Prihatin Bersasar ini |
| 5 | Adakah pelanggan layak untuk memohon Program Prihatin Bersasar sekiranya pelanggan telah 'opt out' dari Program Moratorium automatik yang diumumkan pada bulan Mac yang lalu? | Pelanggan yang telah 'opt out' dari Program Moratorium automatik layak untuk memohon Program Prihatin Bersasar sekiranya pelanggan memenuhi kriteria didalam soalan 2 atau 3 diatas dan kemudahan pelanggan tidak tertunggak lebih daripada 90 hari pada tarikh permohonan dibuat. |
| 6 | Adakah Program Moratorium sedia ada pelanggan akan terbatal apabila Program Prihatin Bersasar diluluskan? | Tidak. Program Prihatin Bersasar hanya akan bermula selepas berakhirnya tempoh program Moratorium sedia ada. |
| 7 | Apakah jenis pembiayaan yang layak dibawah Program Prihatin Bersasar? | Semua jenis pembiayaan individu layak untuk Program Prihatin Bersasar. |
| 8 | Adakah akaun pembiayaan yang dibawah program penjadualan semula Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK') layak untuk memohon Program Prihatin Bersasar? | Tidak, Pelanggan di bawah program AKPK perlu merujuk kepada pihak AKPK sekiranya memerlukan penjadualan semula. |



*Soalan Lazim Program Prihatin Bersasar ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.*

<table>
<tr>
<td>9</td>
<td>Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan Program Prihatin Bersasar?</td>
<td>
Dokumen yang diperlukan untuk permohonan Program Prihatin Bersasar adalah seperti berikut :<br><br>
• E-borang / Borang Program Prihatin Bersasar yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pelanggan; dan<br><br>
• Dokumen sokongan seperti berikut:<br><br>
a. Bagi yang bekerja makan gaji (bermajikan);<br><br>
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</th></tr>
<tr><td>Pemberhentian kerja pada tahun 2020</td><td>• Surat pengesahan pemberhentian kerja daripada Majikan; atau<br>• Emel pengesahan pemberhentian kerja daripada Majikan; atau<br>• Surat akuan bersumpah yang menyatakan sebab dan tarikh pemberhentian kerja; atau<br>• Penyata KWSP terperinci yang terkini (e-penyata KWSP boleh diterima).</td></tr>
<tr><td>Cuti Tanpa Gaji (12 bulan ke bawah) pada tahun 2020</td><td>• Surat pengesahan cuti tanpa gaji daripada Majikan: atau<br>• Emel pengesahan cuti tanpa gaji daripada Majikan; atau<br>• Surat akuan bersumpah yang menyatakan cuti tanpa gaji dan tempoh cuti tanpa gaji.</td></tr>
<tr><td>Pemotongan gaji (gaji pokok / komisyen / elaun tambahan / elaun kerja lebih masa) pada tahun 2020</td><td>• Surat pengesahan potongan gaji (gaji pokok / komisyen / elaun tambahan / elaun kerja lebih masa) daripada Majikan; atau<br>• Emel pengesahan potongan gaji (gaji pokok / komisyen / elaun tambahan / elaun kerja lebih masa) daripada Majikan; dan</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
</table>



*Soalan Lazim Program Prihatin Bersasar ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.*

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td></td><td><ul><li>Penyata gaji 2 bulan untuk menunjukkan perbezaan pendapatan (sebelum dan selepas pemotongan gaji).</li></ul></td></tr>
<tr><td>Suami / Isteri diberhentikan kerja (Bagi pembiayaan bersama sahaja) pada tahun 2020</td><td><ul><li>Surat pengesahan pemberhentian kerja suami/isteri daripada Majikan; atau</li><li>Emel pengesahan pemberhentian kerja suami/isteri daripada Majikan; dan</li><li>Penyata gaji terakhir atau</li><li>Surat akaun bersumpah yang mengesahkan pemberhentian kerja suami / isteri.</li></ul></td></tr>
</table>
b. <u>Bagi yang bekerja sendiri / berniaga</u>;
<table>
<tr><th>KRITERIA</th><th>DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</th></tr>
<tr><td>Perniagaan/ pendapatan terkesan dan masih beroperasi</td><td><ul><li>Surat akuan bersumpah yang menyatakan bahawa pelanggan bekerja sendiri, jenis perniagaan / pendapatan dan perniagaan / pendapatan terjejas.</li></ul></td></tr>
<tr><td>Perniagaan terkesan dan telah ditutup pada tahun 2020</td><td><ul><li>Surat akuan bersumpah menyatakan bahawa pelanggan bekerja sendiri, jenis perniagaan dan tarikh perniagaan telah ditutup.</li></ul></td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>10</td>
<td>Bagaimanakah sekiranya pelanggan TIDAK memenuhi kriteria untuk memohon Program Prihatin Bersasar?</td>
<td>Sekiranya tidak memenuhi kriteria untuk Program Prihatin Bersasar seperti yang dinyatakan, pelanggan boleh memohon penjadualan/penstrukturan semula.</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | Disamping itu, pelanggan juga boleh mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK") bagi meringankan masalah pembayaran yang dihadapi dengan menjadualkan semula ansuran bulanan dibawah program Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK"). Pelanggan boleh menghubungi AKPK ditalian 03-26167766 untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan. |
| 11 | Bagaimanakah dengan status yang tidak lengkap? | Permohonan yang tidak lengkap akan terbatal sekiranya pihak Bank tidak menerima dokumen yang lengkap dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar daripada tarikh permohonan. |
| 12 | Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan? | Terdapat 2 cara permohonan yang disediakan iaitu ;<br><br>1. Permohonan atas talian dengan mengisi **E-Borang Permohonan Program Prihatin Bersasar** di laman sesawang Bank Islam www.bankislam.com **atau**<br><br>2. Permohonan melalui cawangan Bank Islam dengan mengisi **Borang Permohonan Program Prihatin Bersasar.**<br><br>(Nota: Permohonan perlu disertakan dengan dokumen tambahan / sokongan yang lengkap. (Sila rujuk bil. 9)) |
| 13 | Bagaimanakah Bank memaklumkan status permohonan kepada pelanggan? | Pihak Bank akan memaklumkan keputusan permohonan melalui surat atau e-mel kepada pelanggan. |
| 14 | Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan Program Prihatin Bersasar ini? | Keputusan permohonan Program Prihatin Bersasar akan dimaklumkan dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi kelayakan program sahaja akan diproses untuk kelulusan. |
| 15 | Berapa lamakah pihak Bank Islam akan terus menawarkan Program Prihatin Bersasar kepada pelanggan yang terkesan ekoran pandemik COVID-19? | Program Prihatin Bersasar ini akan terus ditawarkan sehingga 30 Jun 2021. |



*Soalan Lazim Program Prihatin Bersasar ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.*

| | | |
|---|---|---|
| 16 | Bagaimanakah dengan status akaun pembiayaan pelanggan di dalam laporan kredit ("CCRIS") Bank Negara Malaysia ("BNM") sekiranya pelanggan menyertai Program Prihatin Bersasar? | Di bawah Program Prihatin Bersasar ini, akaun pembiayaan pelanggan TIDAK akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan semula di dalam laporan kredit ("CCRIS") Bank Negara Malaysia ("BNM") sekiranya permohonan tersebut diterima sebelum 30 Jun 2021. |
| 17 | Bayaran untuk pembiayaan pelanggan ditolak secara automatik daripada gaji pelanggan. Adakah pelanggan layak untuk Program Prihatin Bersasar? | Ya. Pihak Bank akan menghantarkan arahan untuk mengemaskini amaun potongan gaji dan tarikh efektif pemotongan kepada Unit Gaji majikan pelanggan sebaik sahaja permohonan Program Prihatin Bersasar diluluskan oleh pihak Bank. |
| 18 | Bagaimanakah jika pelanggan membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaannya? | Selepas permohonan Program Prihatin Bersasar diluluskan, pihak Bank akan mengemaskini amaun bayaran dan tarikh efektif pemotongan Arahan Tetap pelanggan jika Arahan Tetap adalah dari akaun simpanan / akaun semasa di Bank Islam.<br><br>Jika akaun simpanan / akaun semasa pelanggan di bank lain, pelanggan perlu mengemaskini Arahan Tetap tersebut berdasarkan amaun bayaran terkini dengan bank yang terlibat. |
| 19 | Adakah pelanggan masih perlu membuat pembayaran untuk akaun pembiayaan semasa permohonan Program Prihatin Bersasar? | Sekiranya permohonan tersebut dibuat selepas tempoh moratorium berakhir, maka pelanggan hendaklah meneruskan pembayaran ansuran semasa sehingga permohonan tersebut diluluskan. |
| 20 | Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah program ini? | Baki pembiayaan untuk akaun di bawah program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;<br><br>1. Kenaikan kepada jumlah keseluruhan pembayaran balik sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan dan/atau;<br><br>2. Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan. |



*Soalan Lazim Program Prihatin Bersasar ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.*

| | | |
|---|---|---|
| 21 | Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan? | Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada aturcara bayaran yang ditetapkan seperti di dalam surat makluman Program Prihatin Bersasar. |
| 22 | Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya kedudukan kewangan mereka bertambah baik semasa tempoh program ini? | Pelanggan disarankan untuk berhubung dengan pihak Bank sekiranya aliran kewangan mereka bertambah baik bagi menyusun semula terma pembayaran sedia ada termasuk kembali kepada ansuran asal pra moratorium. |
| 23 | Bolehkah pelanggan membuat permohonan semula sekiranya permohonan terdahulu terbatal? | Ya. Pelanggan perlu menghantar semula dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut kategori yang telah dipohon (sila rujuk bil. 9) berserta nombor rujukan bagi permohonan terdahulu <u>atau</u> nombor kad pengenalan dengan menyatakan perkara emel seperti berikut (PERKARA: PERMOHONAN SEMULA PPB – Nama Pelanggan) ke alamat emel *BIMB_eformfeedback@bankislam.com.my* atau hadir ke mana-mana cawangan Bank Islam. |
| 24 | Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya pelanggan masih lagi menghadapi kekangan kewangan Pasca Moratorium dan selepas Program Prihatin Bersasar tamat? | Pelanggan yang tidak mampu menyambung bayaran ansuran selepas tempoh tersebut disarankan untuk memohon Penjadualan & Penstrukturan Semula. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk pada penilaian dan kelulusan pihak Bank.<br><br>Untuk sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2690 0900. |

-TAMAT-